

**HURAIAN SUKATAN PELAJARAN BAHASA MALAYSIA
SEKOLAH MENENGAH PERSENDIRIAN CINA MALAYSIA
(Menengah Tinggi)**

Semakan: 23/ 08/ 2018

MENENGAH TINGGI SATU

KEMAHIRAN	MENDENGAR	BERTUTUR	MEMBACA	MENULIS
	<p>1.Mendengar dan dapat mengatasi masalah kosa kata baru dalam proses pendengaran.</p> <p>2.Mendengar dan dapat memperoleh maklumat penting daripada pelbagai sumber terutamanya media massa.</p> <p>3.Mendengar dan melakukan pemikiran logik atas maklumat yang diperolehi.</p> <p>4.Mendengar dan memberi respon yang sesuai dalam proses pendengaran.</p> <p>5.Mendengar dan dapat mencatat watak, jalan cerita dan pengajaran yang terkandung dalam sesuatu perihalan.</p>	<p>1.Menggunakan laras bahasa dan intonasi yang sesuai untuk menunjukkan pendirian, sikap, keinginan diri dalam sesuatu perkara.</p> <p>2.Bertutur secara fasih untuk menyampaikan pengalaman, pandangan serta pendapat sendiri secara jelas dan tersusun.</p> <p>3.Membincangkan sesuatu isu yang dikemukakan.</p> <p>4.Mengemukakan soalan untuk mendapat penerangan berkaitan konsep, idea dan pendirian seseorang.</p> <p>5.Menjelaskan sesuatu perkara dengan memberi contoh dan rujukan yang bermakna.</p>	<p>1.Mengaplikasikan teknik membaca yang berlainan mengikut tujuan membaca.</p> <p>2.Menggunakan keratan akhbar, rencana dan bahan-bahan lain yang sesuai untuk mencari isi-isi penting, pengajaran dan nilai-nilai murni.</p> <p>3.Memahami penyampaian sesebuah petikan.</p> <p>4.Menguasai perbendaharaan kata yang merangkumi semua bidang.</p> <p>5.Murid didedahkan dengan genre sastera Melayu.</p>	<p>1.Menulis dengan menggunakan daya cipta yang kreatif dan kritis. Panjang karangan hendaklah tidak kurang daripada 250 patah perkataan.</p> <p>2.Menterjemahkan rangkai kata/ ayat bahasa asing ke dalam bahasa Malaysia moden.</p> <p>3.Merumus perenggan dalam petikan ke dalam ayat yang ringkas.</p> <p>4.Menilai karangan dari segi kekuatan dan kelemahannya.</p> <p>5.Menulis surat rasmi untuk pelbagai tujuan.</p>
TEKNIK PEMBELAJARAN	Murid perlu didedahkan dengan pelbagai bahan ilmiah contohnya Dewan Masyarakat, Dewan Bahasa, Pelita Bahasa dan sebagainya untuk meluaskan pengetahuan; Murid mampu mengenal pasti isi-isi tersirat yang terkandung dalam sesebuah petikan; Murid dapat melakukan pembacaan sendiri dan dapat memahami perbendaharaan kata atau ayat mengikut konteks; Murid dapat menilai hasil penulisan sendiri serta mampu melakukan pembetulan untuk menjadikannya lebih baik.			
BIDANG INTERPERSONAL	Bincangkan pelbagai jenis budaya antara kaum di Malaysia dan murid harus dapat mengenal pasti persamaan dan perbezaan antara budaya ini; Murid dapat saling memahami dan semangat cintakan budaya serta menghargai warisan bangsa; Murid dapat membincangkan isu-isu semasa secara spontan dan berkeyakinan; Muird dapat berinteraksi dengan orang lain untuk mengetahui pandangan dan pendiriannya.			
BIDANG INTRAPERSONAL	Mengadakan pertandingan syarahan, perbahasaan dan forum dalam kalangan murid; Murid boleh didedahkan dengan rakaman kaset serta video berkenaan ceramah-ceramah tokoh ternama; Murid pada peringkat ini harus mempunyai keyakinan berinteraksi dengan mana-mana lapisan masyarakat; Bacaan berkaitan bahasa melayu dari segi pemantapan, pengayaan dan bahasa ilmiah.			
PENGETAHUAN BAHASA	Pembelajaran tatabahasa pada peringkat ini mementingkan aplikasi untuk menghasilkan ayat yang gramatis. Pengetahuan tatabahasa masih perlu didalami. Pembelajaran morfologi dan sintaksis lebih merupakan lanjutan daripada pengetahuan di peringkat Junior. Penekanan pembelajaran pada peringkat ini harus diberi untuk membantu murid dalam menghasilkan ayat yang memenuhi hukum-hukum tatabahasa.			

MENENGAH TINGGI DUA

KEMAHIRAN	MENDENGAR	BERTUTUR	MEMBACA	MENULIS
	<p>1. Mendengar dan dapat membezakan perasaan mengikut intonasi percakapan.</p> <p>2. Mendengar dan memahami maklumat dalam siaran radio dan tv.</p> <p>3. Mendengar dan mengikuti sesuatu perbincangan, perbahasan dan syarahan serta membentuk soalan untuk menyoal.</p> <p>4. Mendengar dan dapat memberi respon mengikut laras bahasa yang digunakan.</p> <p>5. Mendengar dan dapat memperoleh serta membuat nota daripada apa-apa yang didengar.</p>	<p>1. Memberi hujah setelah diberikan sesuatu tajuk.</p> <p>2. Memberikan cadangan serta penyelesaian setelah sesuatu masalah dikemukakan.</p> <p>3. Membincangkan isu-isu semasa yang dikemukakan kepadanya.</p> <p>4. Menggunakan bahasa serta intonasi yang sesuai untuk memujuk, merayu bagi melakukan sesuatu.</p> <p>5. Membiasakan diri untuk berhadapan dengan pelbagai bentuk wawancara.</p>	<p>1. Memahami laras bahasa yang berlainan.</p> <p>2. Mengenal pasti isi tersirat dan tersurat dalam petikan yang dibaca.</p> <p>3. Menjangka sesuatu perbendaharaan kata mengikut konteks petikan yang dibaca.</p> <p>4. Memahami sesuatu petikan dengan pemikiran yang kritis dan analitis.</p> <p>5. Memahami dan menghayati bahan kesusasteraan Melayu.</p>	<p>1. Menghasilkan penulisan yang kritis dan kreatif panjangnya tidak kurang daripada 350 patah perkataan.</p> <p>2. Menterjemahkan bahasa asing yang mudah ke dalam bahasa Malaysia.</p> <p>3. Merumus petikan-petikan biasa tanpa mengubah maksud asalnya.</p> <p>4. Mentafsir bahan yang dibaca dan menghasilkan penulisan sendiri.</p> <p>5. Menggunakan contoh, huraian untuk membentuk isi yang kukuh.</p>
TEKNIK PEMBELAJARAN	Murid mampu mendapatkan maklumat dari bahan lain seperti dalam bahasa Cina dan bahasa Inggeris untuk memperkaya dan memperdalam penulisan diri; Murid dapat menggunakan daya fikir secara kritis dan analitis untuk menghasilkan isi-isi tersurat daripada sesebuah petikan; Murid dapat merangka, membentuk idea, mengaplikasi bahan yang dibaca ke dalam penulisan sendiri; Murid dapat memberi komen ke atas bahan yang dibaca; Mereka juga dapat menjalankan penilaian ke atas pencapaian diri sendiri.			
BIDANG INTERPERSONAL	Murid pada peringkat ini harus didedahkan dengan isu-isu perpaduan nasional; Isu-isu berkenaan alam sekitar, tempat bersejarah dan pelancongan, kegiatan ekonomi dan sebagainya harus diperkenalkan; Nilai-nilai bertolak-ansur dan cinta akan tanah air perlu dipupuk pada peringkat ini; Murid dapat menjalankan pemerhatian serta kajian berkenaan topik yang diberi dan mampu memberi satu laporan yang lengkap berkaitan topik tersebut.			
BIDANG INTRAPERSONAL	Murid pada peringkat ini adalah digalakkan menjalankan tugas berkaitan kehidupan masyarakat Melayu supaya mereka mempunyai pemahaman yang lebih mendalam serta dapat berinteraksi dengan masyarakat melayu tempatan; Murid juga harus yakin dengan kebolehan diri dalam situasi yang perlu menggunakan bahasa Malaysia.			
PENGETAHUAN BAHASA	Murid perlu mendalami penguasaan bidang morfologi dan sintaksis. Pengetahuan tatabahasa murid harus ditingkatkan ke peringkat analisis, di mana murid dapat menilai ayat yang dihasilkan sendiri adalah tepat dari segi penggunaan bahasa. Penggunaan kata hubung, penanda wacana dan penguasaan ayat majmuk harus diaplikasi dalam penghasilan kerja rumusan yang kemas. Murid juga harus sensitif dengan perbezaan penggunaan tatabahasa semasa menjalankan penterjemahan.			

MENENGAH TINGGI TIGA

KEMAHIRAN	MENDENGAR	BERTUTUR	MEMBACA	MENULIS
	<ol style="list-style-type: none"> 1.Mendengar dan memahami motif serta tujuan percakapan orang lain. 2.Mendengar dan memahami sikap serta pendirian seseorang dalam isu tertentu. 3.Mendengar dan dapat mengikuti perkembangan isu-isu semasa menerusi siaran media, majalah, internet dan surat khabar. 4.Memberi respon yang sesuai dan sopan dalam sebarang situasi yang dihadapi. 5.Mendengar dan dapat membuat catatan nota bagi perbincangan, ceramah, perbincangan serta perbincangan yang bertemakan isu-isu ilmiah. 	<ol style="list-style-type: none"> 1.Menterjemah secara spontan bahan-bahan dalam bahasa asing ke dalam bahasa Malaysia. 2.Berbincang dan menetapkan plan bagi tugas yang diberi. 3.Membincangkan sebarang isu global seperti pencemaran, kedamaian, perdagangan dan sebagainya. 4.Menunjukkan perasaan tidak puas hati, merayu, memujuk dan sebagainya. 5.Membuat laporan secara lisan bagi sesuatu proses dan keputusan kajian. 	<ol style="list-style-type: none"> 1.Menguasai kemahiran membaca untuk meningkatkan keberkesanan bacaan. 2.Membaca dan mendapatkan isi-isi penting dalam sesebuah petikan secara tepat dan cepat. 3.Membaca dan memahami bahan media massa, surat serta dokumen dalam urusan rasmi. 4.Membaca dan memahami sesuatu petikan berdasarkan analogi secara logik dan dapat menerangkannya dengan menggunakan perkataan sendiri. 5.Menghayati bahan sastra sama ada novel, cerpen dan puisi. 	<ol style="list-style-type: none"> 1.Mempunyai keupayaan menghasilkan penulisan yang panjangnya hendaklah melebihi 350 patah perkataan. 2.Menterjemahkan bahasa asing dalam pelbagai bahan ke dalam bahasa Malaysia. 3.Merumuskan sesuatu petikan dari pelbagai bahan tanpa menjejaskan maksud asalnya. 4.Menggunakan maklumat dari bahan-bahan lain untuk menyokong penulisan sendiri. 5.Mempunyai kemampuan menggunakan bahasa bagi tujuan urusan rasmi.
TEKNIK PEMBELAJARAN	Murid mempunyai inisiatif untuk mendapat maklumat dari pelbagai bahan bagi tujuan penyelesaian tugas; Murid mempunyai kemahiran mengumpul bahan dari segi mengkategorikannya, merumus, menjadikannya dalam bentuk grafik dan sebagainya untuk memudahkan pembelajaran; Murid dapat menilai keberkesanan cara pembelajaran diri, kebaikan dan keburukan hasil penulisan dan berkemahiran mengubahsuai teknik tersebut.			
BIDANG INTERPERSONAL	Murid mempunyai pengetahuan yang luas berkaitan politik, ekonomi, pendidikan dan agama baik dalam negeri atau secara global, murid harus mempunyai perspektif dari masyarakat Cina dan masyarakat Melayu serta dapat menilai persamaan dan perbezaannya; Murid pada peringkat ini harus mempunyai semangat cinta akan bangsa dan nusa; Murid dapat membincangkan isu-isu semasa secara rasional dan munasabah.			
BIDANG INTRAPERSONAL	Murid mempunyai minat yang tinggi terhadap perkembangan bahasa dari semasa ke semasa; Murid dapat menerima bahasa Malaysia sebagai bahasa yang penting dalam kehidupan seharian mereka; Petikan-petikan berkaitan pengajian bahasa Malaysia dan sumbangannya terhadap dunia moden harus diberi penekanan pada peringkat ini.			
PENGETAHUAN BAHASA	Murid dapat menggunakan pengetahuan dalam bidang morfologi dan sintaksis untuk menghasilkan ayat serta karangan yang bermutu. Pengetahuan perihal kata dan ayat harus digabungjalinkan dengan tujuan penghasilan kerja penulisan yang bermutu dan menepati hukum-hukum tatabahasa. Selain itu, murid juga dapat menilai sendiri ketepatan penggunaan bahasa dalam hasil kerja penulisan sendiri.			